

19 OCT 1997

Sikh-Sokong (Bergambar)

SOKONGAN KAUM SIKH UNTUK MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Masyarakat Sikh di 12 kuil di seluruh ibu kota hari ini hadir beramai-ramai untuk menunjukkan sokongan mereka terhadap tindakan Dr Mahathir Mohamad dalam menstabilkan nilai ringgit dan ekonomi negara.

Upacara sembahyang khas turut diadakan untuk mendoakan kesihatan Perdana Menteri "dan memberikan Dr Mahathir kekuatan dan keupayaan untuk terus mentadbir negara."

Perhimpunan terbesar diadakan di Pusat Sikh dan Gurdwara Sahib di Sentul dengan ketua sami Jaswant Singh memimpin upacara sembahyang khas itu.

Presiden Pusat Sikh Sentul, Arjan Singh berkata masyarakat Sikh yakin dengan kepimpinan Dr Mahathir dan menyokong sepenuhnya langkah-langkah yang diambilnya bagi memulihkan nilai dan kestabilan ringgit.

"Adalah menjadi tradisi kami masyarakat Sikh untuk tidak mengkhianati pemimpin. Kami menerima kepimpinan beliau dan tidak pernah mempersoalkan kuasa beliau," katanya.

"Kami tidak mempersoalkan Perdana Menteri kerana kami tahu beliau melakukan yang terbaik untuk negara. Media Barat mungkin mempersoalkan tindakan beliau, tetapi kami tidak akan melakukannya," kata Arjan lagi.

Seorang anggota jawatankuasa, Mej (B) Kirpal Singh menyelar sesetengah pihak yang memperkecil-kecilkan usaha Dr Mahathir dengan mendakwa kononnya ekonomi negara sedang mengalami kemelesetan dan musnah sama sekali.

Beliau berkata sepucuk telegram telah dihantar kepada Dr Mahathir untuk menyatakan sokongan mereka terhadap semua tindakan yang diambilnya dan sentiasa mendoakan kesihatan beliau "kerana kami menganggap beliau sebagai seorang yang istimewa dan berharap beliau segera sembuh."

Dr Mahathir dalam beberapa hari ini menghidapi selsema. -- BERNAMA.

ZAB MZ RON